**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 14 JANUARI 2018 (AHAD)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | Trust the weatherman, not social media | The Star |
| 2. | Low temperatures a treat for Kuala Pilah folk | New Sunday Times |
| 3. | When Europe comes to Malaysia | Sunday Star |
| 4. | Durable, high-quality screens | Sunday Star |
| 5. | Suhu di Kuala Pilah cecah 21 darjah Celcius | Berita Harian |
| 6. | Memang sojuk bona! | Sinar Harian |
| 7. | 'Musim sejuk', rakyat Malaysia teruja | Sinar Harian |
| 8. | Banjir dijangka pulih dalam tempoh terdekat | Berita Harian |
| 9. | Suhu sejuk tidak jejas persekolahan di Kedah | Astro Awani |
| 10. | Penduduk Kuala Pilah alami sejuk luar biasa | BERNAMA |

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 14 JANUARI 2018 (AHAD)

# Trust the weatherman, not social media

**PETALING JAYA:** The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) has dismissed talk on social media that monsoon winds from the Philippines are bringing heavy showers and causing a wet and cold spell in the country.

MetMalaysia director-general Alui Bahari has also dispelled viral news that the sudden drop in body temperature could lead to high fever.

"The department denies viral social media news that a change in the monsoon winds from the Philippines has brought heavy rain to the western part of the country, resulting in continuous cold weather.

"The viral news also advises Malaysians to wear warm clothing at night to avoid a drastic drop in body temperature, which could result in high fever," he said in a statement.

The fake news stated that 16 major towns would experience a plunge in temperatures to as low as 14.2°C for Kundasang, Sabah, and 17.3°C for Kuala Krai, Kelantan.

On Friday, Alui was quoted in *The Star* as saying that the cold weather was a usual phenomenon during the north-east monsoon period between November and March.

In the statement yesterday, Alui noted that the coldest temperature was recorded in Mersing (Johor) and Kuala Pilah (Negri Sembilan) at 21°C while other areas dropped to about 22°C, usually in the early hours.

"The situation is expected to continue until Jan 14 as the sky will remain cloudy with continued rainfall and cold winds brought about by the north-easterly monsoon," he said.

The wet spell is expected to subside gradually although several areas, such as Pahang (Kuantan, Pekan, Rompin) and Johor (Segamat, Mersing, Kota Tinggi), will continue to see heavy rainfall.

Alui said the bad weather warning alert issued by the department on Thursday had been replaced by a standby weather warning alert for today.

Strong winds of about 60kph and waves of about 4.5m are expected to lash the east coast states of the peninsula, according to MetMalaysia.

The west of Peninsular Malaysia has been in the grip of a cold snap, with the Klang Valley experiencing the coldest weather in months, with temperatures dipping to 22°C.

Kuala Pilah was among the places that registered a low of 21°C since midnight, very much lower than the normal 31°C to 32°C.

Cameron Highlands recorded 15°C on Friday.

**KERATAN AKHBAR**
**NEW SUNDAY TIMES (NEWS/NATION) : MUKA SURAT 4**
**TARIKH: 14 JANUARI 2018 (AHAD)**



*Mohd Afiza Abu Bakar and his children dressed in warm clothes as they head out on a bicycle in Kuala Pilah yesterday.* PIC BY AMRAN YAHYA

# Low temperatures a treat for Kuala Pilah folk

**KUALA PILAH:** Kuala Pilah in Negri Sembilan is known as one of hottest and driest areas in the country.

However, for the past three days, people here have been enjoying the cold due to continuous rain. Temperatures have plunged to as low as 21°C. Checks in the area yesterday showed it was drizzling, accompanied by a strong wind.

Teacher Mohd Afiza Abu Bakar, 39, said the phenomenon was unusual.

"We experienced cold weather in 2016. But at that time it was due to winds coming from China. This time, continuous rain contributed to the cold weather. It's unusual," he said, adding that his family members had been wearing thick clothes to prevent muscle cramps.

"The weather is colder at night. We used to sleep with the air conditioner on. But, for the past three days, we slept without it and covered ourselves with blankets," he said.

Afiza's son, Muhamad Airiel Hakeem, 10, said he enjoyed the cold weather as it reminded him of Cameron Highlands.

"I love the cold weather and I wish it could stay like this."

State Meteorological Department director Mohammad Redzuan Abdul Moin said the low temperature was due to continuous rain.

"It is normal for the temperature to plunge during and after rainy days. We experience the same phenomenon every year. The weather is expected to be warmer today (yesterday) and the rain is expected to subside soon."

Redzuan said the maximum temperature over the last seven days was recorded at 29°C, while the minimum temperature was 21°C.

He advised the public to monitor notices issued by the department for accurate information on the weather.

**KERATAN AKHBAR**
**SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 5**
**TARIKH : 14 JANUARI 2018 (AHAD)**

# When Europe comes to Malaysia

## Winter cold hits highlands and many are enjoying the cold spell

By RAHIMY RAHIM
rahimyr@thestar.com.my

**GENTING HIGHLANDS:** With the thick fog and the mist curling from your breath, you would think that you are visiting Europe in winter.

But the scene isn't Europe. It is Genting Highlands, just about an hour's drive from the Klang Valley.

Visitors and tourists flocked to the resort over the weekend to get a taste of "winter" in a tropical country – and for some shopping.

With the temperature dropping to as low as 14°C to 16°C in the highlands, many Malaysians also took the opportunity to don winter gear they would otherwise never have the chance to wear at home.

Accountant Alan Kua, 32, who was visiting from Kuala Lumpur with his wife, Hui Nee, 32, and their three-year-old daughter, Laeticia, said they loved the cold weather.

"Since it is the weekend, we planned to come up to Genting. We love the cold weather and it will be easier for us to shop and walk around.

"And since Chinese New Year is just around the corner, we are also doing some shopping," he said yesterday.

On Thursday, the Klang Valley experienced the coldest weather it had in months, with temperatures dipping to 21°C.

Watch the video
thestartv.com

The Meteorological Department said this was due to the effects of the north-east monsoon – overcast sky, incessant rain and cold winds.

Police officer Mohd Farhan Jamion, 35, drove from Ipoh with his wife Suhanita Hussain, 32, and their seven-year-old son Muhammad Izz Ferriz.

"I really like the cold weather and we can finally use our winter jacket. However, my son kept complaining that it was too cold," he said.

Engineer Al-Firman Zahari, 34, from Johor, even brought along his extended family from Jakarta to experience the chilly weather.

"Now, we do not have to travel so far to get this kind of beautiful weather.

"Although we need to wear jackets, I think it is just nice for us to walk around. It looks like winter here, too," he said.

For M. Tharani, 22, who is studying at a university in Pahang, the weekend trip with her friends has been a stress reliever.

"We want to relieve our stress and the weather is really nice. We are going to check out the new restaurants," she said.



**Hot spot:** Visitors to Genting Highlands Premium Outlets enjoying the cold weather.

However, not everyone is "cool" about it.

Housewife Siti Zaleha Abdullah, 53, from Taman Tun Dr Ismail, said the damp was making it harder for her to dry clothes outside.

"It's always rainy and cloudy. I need to ask my daughter to bring me to the laundry to dry our clothes," she said.

"This will add extra cost to the family's expense."

Fitness enthusiast Mohd Razif Abdul Karim, 29, said with the cold and rainy weather, it was harder for him to go jogging.

"Usually, I can jog in the park after work but now, it is slightly more troublesome," said the Petaling Jaya resident.

A self-service launderette in Section 17, Petaling Jaya, is enjoying brisk business, with many customers coming in to use the dryer.

C.K. Wong said he spent RM4.50 to dry his clothes for 23 minutes in the machine.

"Otherwise, there is a musty smell on my clothes in this type of weather," he said.

KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (BEAUTIFUL HOMES) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 14 JANUARI 2018 (AHAD)

# Durable, high-quality screens

WE often worry about unwanted "guests" like intruders, stray animals and pesky insects that affect security and health.

Majestec Premium Security Doors and Windows offer an effective way to maintain security while allowing clear vision and ventilation.

This aesthetic and functional product comes from Australian ingenuity. Majestec's screens use the latest Japanese high-tensile wire materials interwoven into strong stainless steel mesh for maximum strength.

The screens allow a free flow of fresh air into your home, naturally cooling the living space.

At night, windows can be left open without worries. The high-tensile mesh is resilient and almost impossible to cut or break through.

Majestec products have been tested and surpassed standards for impact resistance, the point load test, knife shear, jimmy and pull tests. It also protects glass and timber doors from breakage and damage.

Majestec products have met the requirements of Australia and Malaysia Sirim Standards (AS 5039:2008) for security screen doors and window grilles.

In an emergency, locks and handles can be easily released from inside. Window locks and removable handles are also available.

Majestec products are an excellent combination of grilles and insect screens while being easy on the eye.

Majestec security screens are custom-made and come in a variety of colours. The frames are powder-coated to fulfil a product lifetime of over 10 years.

Made of marine-grade steel, the mesh is rustproof and requires low maintenance; just wipe with a damp cloth or flush with water, then wipe dry.

The frames are made from heavy-duty aluminium and Majestec's product development team can custom design its products to meet your architectural design and security requirements.

Majestec's product range includes awning windows, casement windows, hinged doors, French doors, bi-fold doors, sliding doors and windows, stacker doors, fixed panels, pool fencing and balustrades, and fire escapes.

When choosing an important component of home security, check for proof of claims made by the sellers.

Majestec has spent considerable resources on engineering its products to pass the many tests they are subjected to.



Majestec Security Screens offer security, insect screens, ventilation and clear vision.

Majestec products are sold in many countries, including Australia, South Africa and the United States. All these countries require a product to be subjected to stringent testing before being sold to the public.

*Majestec's products are available in Malaysia and Singapore.

■ To see Majestec's products, visit the showroom at The Curve Shopping Mall, Lot 219B, 2nd floor, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara (from 10am to 7pm, Monday to Sunday). Call for appointment on public holidays. Dealer queries are welcome. Tel: 1300 88 MESH (6374)/03-6156 1615 or visit *www.meshtec.com.my* for details.

# Suhu di Kuala Pilah cecah 21 darjah Celsius

**Kuala Pilah:** Cuaca sejuk daripada biasa hingga mencecah 21 darjah Celcius direkodkan di daerah ini, mencetus fenomena baharu bagi penduduk yang mengakui tidak pernah merasai suasana sedemikian, sebelum ini.

Keadaan itu menyebabkan sebahagian mereka, terutama kanak-kanak berpakaian tebal pada waktu pagi dan malam.

Seorang guru, Mohd Afiza Abu Bakar, 39, berkata fenomena berkenaan agak luar biasa bagi penduduk di daerah berkenaan yang sudah biasa dengan cuaca panas.

"Cuaca sejuk memang pernah berlaku di daerah ini dua tahun lalu berpunca daripada tempias tiupan angin luruan disebabkan tekanan tinggi di China.

"Bagaimanapun, ketika itu suhu tidak sejuk seperti kali ini yang diikuti hujan tanpa henti. Saya dan ahli keluarga memakai pakaian tebal dan menggunakan selimut ketika tidur," katanya ketika ditemui di rumahnya di Batu Kikir di sini, semalam.

> Fenomena berkenaan agak luar biasa bagi penduduk di Kuala Pilah yang sudah biasa dengan cuaca panas"
>
> ***Mohd Afiza Abu Bakar,***
> *Penduduk*

Sementara itu, anak lelakinya, Muhamad Airiel Hakeem, 18, berkata suasana sejuk ketika ini membuatkan dia berasa seperti berada di Cameron Highlands.

Semalam, Jabatan Meteorologi mengesahkan beberapa kawasan terutama di selatan Semenanjung mengalami penurunan suhu dengan Kuala Pilah merekodkan paling rendah iaitu 21 darjah Celsius sejak tengah malam hingga awal pagi.

Sementara itu, Pengarah Meteorologi Negeri Sembilan, Mohammad Redzuan Abdul Moin, ketika dihubungi berkata cuaca sejuk itu dijangka kembali seperti biasa hari ini.

[FOTO AMRAN YAHYA/BH]



***Mohd Afiza bersama anaknya*** *memakai baju tebal ketika bersiar-siar berikutan cuaca sejuk luar biasa di Kuala Pilah, semalam.*

BERITA ONLINE
SINARHARIAN.COM.MY
TARIKH: 14 JANUARI 2018 (AHAD)

# Memang sojuk bona!




*Mohamad Pahami mengenakan baju yang tebal supaya lebih selesa.*

KUALA PILAH - "Dah macam duduk di Korea atau Australia yang ada salji, tapi ini Pilah dan di sini hanya ditemani hujan sahaja".

Itu yang dikongsikan anak muda kelahiran Kuala Pilah, Mohamad Pahami Mohamad Tarmizi, 31, yang bertugas sebagai kelasi kapal dan kerap merantau ke negara-negara beriklim sejuk.

Menurutnya, ini kali pertama rumahnya yang terletak di Gunung Pasir mengalami cuaca sejuk seumpama itu.

“Rasa macam Pilah ni ada salji pula, cuaca sejuk betul," katanya lagi.

Menurutnya sudah lebih dua hari, daerah ini dilanda hujan yang berlarutan dari pagi sehinggalah ke malam.

“Hendak pegang air pun rasa 'bercinta' kerana air sangat sejuk," ujarnya berseloroh.

Katanya, kebiasaan keadaan berkabus di Kuala Pilah hanya berlaku pada waktu-waktu tertentu sahaja, tetapi tertentu sahaja.

## Jalan licin jejas pengguna jalan raya

Seorang lagi penduduk, Muhamad Khairy Shukor, 28, berkata, cuaca sejuk ini sedikit sebanyak mengganggu urusan harian.

“Cuaca ini juga memberi impak kepada pengguna jalan raya terutama penunggang motosikal yang perlu melalui jalan basah, licin dan berlopak gara-gara hujan berpanjangan," katanya.




Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin dan Tunku Zain Al-’Abidin turut menyertai ‘Funride dan Basikal Vintage’ dalam suasana sejuk.

## Tetap teruskan aktiviti

Sementara itu peserta ‘Funride dan Basikal Vintage’ di Seri Menanti, Anuar Abu Said, 58, berkata, meskipun dalam keadaan cuaca sejuk, hujan renyai, dia tetap menyertai program berbasikal itu.

“Sebagai tanda sokongan dan meraikan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Besar ke 70 yang disambut 14 Januari (hari ini), saya dan para peserta lain bersama sertai program ini," katanya.

Terdahulu, **Jabatan Meteorologi Malaysia** mengesahkan beberapa kawasan di negara ini mengalami penurunan suhu dan Kuala Pilah merekodkan suhu 21 darjah Celsius, kelmarin.

Suhu yang dikatakan menyamai Amterdam, Belanda itu dikongsi dengan Subang, Selangor dan Kluang, Johor.

**BERITA ONLINE**
**SINARHARIAN.COM.MY**
**TARIKH: 14 JANUARI 2018 (AHAD)**

# 'Musim sejuk', rakyat Malaysia teruja




*'Musim sejuk', rakyat Malaysia teruja.*

SHAH ALAM - Rata-rata rakyat Malaysia kelihatan teruja, selepas negara mengalami penurunan suhu kini.

Pemerhatian Sinar Online di media sosial mendapati, perkongsian mengenai perkara itu mula membanjiri ruangan di alam maya.

Apa yang menariknya terdapat juga netizen yang mengubahsuai gambar seperti daerah di Malaysia dilanda musim salji.

Menurut Rockie Labue, dia selesa dengan cuaca yang melanda negara ketika ini.

"Suhu yang selesa dua,tiga hari ini sampai bila-bila pun takpa," kongsinya di Facebook.

Perkongsian Rockie itu dipersetujui oleh Wan Fahan yang katanya, "Tulah kan, jimat letrik, jimat air,".

Sementara menurut, Jamil Senoko sejak empat hari selepas hujan turun tanpa henti dia kini alami deman.

"Biasanya tidur 'berlengging' tapi sekarang tidur berselimut siap pakai toto lagi," kongsinya di Facebook.

Sementara itu, kongsi Latipah Wilson Matyasin di Melaka kini rasanya seperti di Genting Highlands.

Sebelum ini, **Jabatan Meteorologi Malaysia** mengesahkan beberapa kawasan terutama di selatan Semenanjung mengalami penurunan suhu dengan Kuala Pilah di Negeri Sembilan merekodkan suhu paling rendah pada 21 darjah Celcius.

Ketua Pengarahnya Alui Bahari berkata bagaimanapun keadaan itu adalah fenomena biasa ketika musim monsun timur laut.

Namun, Jabatan Meteorologi Malaysia menafikan tular berhubung suhu terendah dialami negara yang disebarkan menerusi media sosial.

Jabatan itu dalam kenyataan baru-baru ini berkata tular yang menasihatkan orang ramai tidak berada di luar rumah selepas 11 malam, adalah tidak benar.

Menurut jabatan itu, suhu minimum yang direkodkan adalah normal iaitu sekitar 23 darjah Celsius yang lazimnya berlaku pada waktu subuh.

Maklumat sahih berkaitan cuaca boleh diperoleh menerusi laman sesawang jabatan berkenaan di www.met.gov.my atau aplikasi mobil (myCuaca), menerusi media sosial di facebook: malaysiamet, twitter @malaysianmet atau talian 1 300 22 1MET (1638). –

**BERITA ONLINE**
**BHARIAN.COM.MY**
**TARIKH: 14 JANUARI 2018 (AHAD)**



FOTO hiasan.

# Banjir dijangka pulih dalam tempoh terdekat

PUTRAJAYA: Banjir yang melanda Pahang dan Johor ketika ini dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh terdekat berdasarkan perkiraan keadaan awan yang dikeluarkan **Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)**.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Ir Dr Md Nasir Md Noh, berkata berdasarkan keadaan semasa, awan tebal akan menurunkan hujan lebat yang menyebabkan banjir di beberapa negeri.

"Dalam minggu depan, kita jangkakan hujan lebat kerana masih ada awan tebal dan kita berharap penduduk sentiasa berjaga-jaga serta patuh kepada arahan keselamatan.

"Namun keadaan yang berlaku ketika ini juga adalah ketentuan Allah SWT, dan kita sebagai manusia hanya boleh meramalkan sahaja," katanya ketika ditemui media selepas program Nature Fun Ride 2018 yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir Dr Hamim Samuri di sini, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Md Nasir berkata, pembinaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandar Pekan, Parcel 1 di Pahang kini sudah 70 peratus siap.

"Bagi daerah Rompin, RTB masih lagi dalam perbincangan dan dijangka akan dimulakan pada tahun depan.

"Pembinaan RTB ini akan dapat mengelakkan kejadian banjir terutama di kawasan yang rendah, termasuk berhampiran dengan Sungai Pahang," katanya.

BERITA ONLINE
ASTROAWANI.COM
TARIKH: 14 JANUARI 2018 (AHAD)

# Suhu sejuk tidak jejas persekolahan di Kedah




Suhu sejuk mencecah 20 darjah Celsius pagi ini di seluruh negeri Kedah langsung tidak menjejaskan sesi persekolahan .

**ALOR SETAR**: Suhu sejuk mencecah 20 darjah Celsius pagi ini di seluruh negeri Kedah langsung tidak menjejaskan sesi persekolahan.

Rata-rata pelajar mengenakan baju sejuk bagi memanaskan badan kerana tidak biasa dengan suhu dingin.

Malah ada di antara pelajar terpaksa mandi air panas kerana tidak tahan dengan air paip yang sejuk.

Menurut pelajar Fatin Aiman Ismail, 17 tahun, cuaca agak sejuk dan berkabus sejak kebelakangan ini membuatkan dia terpaksa bangun awal untuk menjerang air mandian.

"Sejuklah dengan kabus lagi, ada macam rasa malas bangun sebab sejuk. Kalau hari cuti boleh sambung tidur, hari sekolah sejuk tak bolehlah nak sambung tidur," kata Fatin.

Bagi Addy Arman Ghazali, 14 tahun, mandian air panas sudah menjadi rutin buatnya sejak fenomena cuaca yang berlaku kebelakangan ini.

"Rasa lain sikit sebab sejuk. Kalau sebelum ini, datang sekolah taklah sejuk sangat macam ini. Terpaksalah mandi air panas sebab sejuk sangat," kata Addy Arman.

Bagaimanapun, menurut Pengarah Pendidikan Kedah, Datuk Azuyah Hassan, jumlah kehadiran ke sekolah pada pagi ini adalah seperti biasa kerana hampir 97 peratus pelajar hadir ke sekolah.

Namun, pihak JPN menasihati ibu bapa dan pelajar agar menjaga kesihatan masing-masing ekoran perubahan mendadak suhu ini dibimbangi akan mengakibatkan pelbagai penyakit seperti demam dan asma.

Sementara itu, **Jabatan Meteorologi Malaysia** memaklumkan keadaan ini berlaku berikutan cuaca mendung, hujan dan pergerakan angin sejuk monsun timur laut yang dijangka berterusan sehingga esok.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya memakai baju tebal pada sebelah malam bagi mengelakkan suhu badan turun secara mendadak dan seterusnya membawa kepada demam panas.

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 14 JANUARI 2018 (AHAD)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Penduduk Kuala Pilah Alami Sejuk Luar Biasa



KUALA PILAH, 13 Jan (Bernama) -- Penurunan suhu dengan Kuala Pilah di Negeri Sembilan merekodkan suhu paling rendah iaitu 21 darjah Celcius, menjadi fenomena luar biasa bagi penduduk dikawasan itu meskipun sebelum ini mereka sudah terbiasa dengan cuaca sejuk berbanding kawasan lain.

Seorang suri rumah Norizan Mahadi, 58, yang menetap di Taman Seri Ulu Bendul, Kuala Pilah sejak 17 tahun lalu berkata keadaan sejuk di kawasan ini bukanlah sesuatu yang pelik memandangkan kediamannya berdekatan dengan gunung, namun fenomema sejuk yang berlaku sejak empat hari lepas, ternyata agak luar biasa.

"Cuaca sejuk sejak empat hari lepas merupakan pengalaman pertama sejak saya menetap di sini sehingga tidak perlu memasang kipas di siang hari.

"Ketika waktu malam pula, suhu lebih sejuk berbanding waktu siang dan dinginnya terasa seakan berada di dalam peti ais," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Sementara itu, pemandu teksi Md Tahir Md Derus, 46, berkata keadaan berkabus di sekitar kawasan Kuala Pilah pada kali ini adalah luar biasa apabila bukan bersifat sementara sebaliknya kabus sepanjang masa.

"Kawasan ini sentiasa diselubungi kabus pada masa-masa tertentu, tetapi sejak beberapa hari kebelakangan ini kabus sentiasa ada sehingga mengaburi jalan raya dan menyukarkan pemanduan," katanya.

Katanya suhu sejuk seperti ini juga jika berpanjangan dikhuatiri akan menjejaskan kesihatan, justeru bagi mengelakkan demam, selsema dan sebagainya, penduduk dilihat mula memakai pakaian sejuk untuk memastikan suhu badan mereka kekal panas.

Tinjauan Bernama di Kuala Pilah mendapati cuaca mendung dan dingin sejak awal pagi tadi serta berkabus.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** sebelum ini mengesahkan beberapa kawasan terutamanya di selatan Semenanjung mengalami penurunan suhu dengan Kuala Pilah di Negeri Sembilan merekodkan suhu paling rendah pada 21 darjah Celcius sejak tengah malam kelmarin hingga awal pagi semalam.

Ketua Pengarahnya Alui Bahari berkata keadaan itu, bagaimanapun adalah fenomena biasa ketika musim monsun timur laut.

-- BERNAMA